

Sebagai balasan kepada persetujuan Bank Simpanan Nasional (“Bank / BSN”) menyediakan kemudahan yang ditawarkan bersama Kad Debit Perniagaan BSN Visa (“Kad”) kepada pemegang akaun yang menerima Kad (“Ahli Kad”), Ahli Kad dengan ini beraku janji dan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat berikut.

1.0 **DEFINISI DAN TERJEMAHAN**

1.1 Dalam perjanjian ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

Akaun	Bermaksud akaun simpanan/semasa Islamik atau konvensional yang dibuka oleh Ahli Kad dengan Bank.
Baki Akaun	Baki di dalam Akaun selepas ditolak pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang ditanggung oleh Ahli Kad.
Perjanjian	Perjanjian ini yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.
ATM	Bermaksud mesin tunai automatik atau mesin kendalian kad yang menerima Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin yang dimiliki oleh Bank atau bank-bank atau institusi-institusi kewangan lain di bawah rangkaian MEPS atau rangkaian Visa ATM Global yang mengambil bahagian.
Transaksi Kad ATM	Bermaksud penggunaan Kad atau mana-mana kad lain sebagaimana yang diluluskan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk pengeluaran tunai dan Transaksi Elektronik.
Rakan Niaga yang Dibenarkan	Bermaksud mana-mana peruncit atau orang, firma atau syarikat, pekerja, pembantu atau ejennya yang bersetuju untuk menerima atau menyebabkan pejabat-pejabat, <i>outlet-outlet</i> , kedai-kedai, gedung-gedung, premis dan lokasi perniagaannya menerima Kad apabila dikemukakan untuk pembayaran oleh Ahli Kad.
Pembayaran Bil Automatik	Bermaksud bayaran berulang menggunakan Kad oleh Ahli Kad untuk pembayaran insurans/takaful, bil-bil atau perkhidmatan lain yang diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
Bank / BSN	Bermaksud Bank Simpanan Nasional.
Laman Sesawang Bank	Bermaksud laman sesawang rasmi Bank iaitu www.bsn.com.my .
Kod BOSS	Bermaksud Kod <i>BSN Online Secured Shopping</i> (BOSS) di mana satu kata laluan akan dihantar ke nombor telefon bimbit Ahli Kad yang didaftarkan dengan BSN melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), di mana Ahli Kad perlu memasukkannya untuk menyempurnakan setiap transaksi pembelian dalam talian secara selamat.
Kad	Bermaksud Kad Debit Perniagaan BSN Visa yang menghubungkan dan membawa logo Visa dan MyDebit yang dikeluarkan oleh Bank untuk Akaun Ahli Kad di mana Ahli Kad boleh menggunakannya untuk melaksanakan Urus Niaga.
Transaksi Kad	Bermaksud transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, pembelian runcit, pembelian dalam talian, pemindahan dana, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
Ahli Kad	Bermakna pelanggan Bank yang mana Kad telah dikeluarkan.
Transaksi Tanpa Kad	Merujuk kepada transaksi yang dibuat apabila Kad tidak ada secara fizikal. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dilaksanakan dalam talian, pesanan pos dan transaksi melalui telefon.
Pembaca Tanpa Sentuh	Adalah pembaca kad yang selamat digunakan yang disediakan di terminal POS di mana pembelian tanpa sentuh MyDebit dan/atau Visa PayWave boleh dibuat.
Transaksi Tanpa Sentuh	Merujuk kepada transaksi yang dibuat dengan melambai Kad dekat Pembaca Tanpa Sentuh tanpa perlu memasukkan atau meleretkan Kad.
VISA payWave	Pembayaran tanpa sentuh untuk pembelian runcit dengan menggunakan aplikasi payWave. Hanya untuk kad terpilih dengan logo tanpa sentuh sahaja.
Debit langsung	Bermaksud sistem pembayaran di mana pemiutang diberikuasa untuk mendebitkan akaun bank pelanggan secara langsung secara berkala.
Transaksi Elektronik	Bermaksud transaksi menggunakan Kad untuk pemindahan dana secara elektronik di mana-mana ATM atau Terminal POS.

E-Banking	Kaedah perbankan di mana Ahli Kad menjalankan transaksi secara elektronik melalui internet.
Baki Dipegang	Bermaksud pada bila-bila masa jumlah yang dianggarkan oleh Bank sebagai apa-apa amaun dan semua Transaksi Kad yang dilaksanakan ke atas Kad, tetapi yang belum didebit daripada Akaun.
MEPS	Bermaksud Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd.
Perbankan Internet BSNeBiz	Bermaksud laman sesawang perbankan internet bank iaitu www.bsnebiz.com.my
MyDebit	Sistem pembayaran Kad di mana Ahli Kad boleh membuat pembelian runcit secara sentuh/tanpa sentuh di mana-mana terminal POS yang dibenarkan yang memaparkan logo MyDebit.
Kata Laluan	Bermaksud kata laluan atau kod yang digunakan untuk mengesahkan identiti pelanggan dan untuk membenarkan transaksi. Kod laluan mungkin terdiri daripada nombor, huruf, gabungan kedua-duanya, atau frasa. Contoh kod laluan termasuk kata laluan, Kod BOSS, Nombor Pengenal Peribadi (PIN) dan/atau kod yang dihasilkan oleh peranti keselamatan.
PIN	Bermaksud 6-digit Nombor Pengenal Peribadi yang dikeluarkan kepada Ahli Kad.
POS	Ertinya <i>point of sale</i> yang bermaksud terminal tempat jualan yang membenarkan pendebitan Akaun Kad untuk transaksi pembelian di rangkaian Rakan Niaga yang dibenarkan.
Had Pembelian	Bermaksud had maksimum dibenarkan oleh Ahli Kad yang boleh digunakan dengan Rakan Niaga.
Transaksi Runcit	Bermaksud transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad melalui Rangkaian Visa tidak termasuk urusan pengeluaran tunai.
Slip Jualan	Bermaksud resit yang dikeluarkan oleh Rakan Niaga yang dibenarkan selepas sesuatu transaksi.
Penyata	Merujuk kepada penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank yang menunjukkan transaksi dalam Akaun untuk tempoh yang ditetapkan.
Ujrah	Bermaksud pembayaran yuran sebagai balasan kepada perkhidmatan yang disediakan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan oleh BSN kepada Ahli Kad (untuk akaun Islamik sahaja).
Tarikh Tempoh Sah	Merujuk kepada tarikh luput yang dicetak di atas Kad.
Had Pengeluaran	Bermaksud had dan kekerapan pengeluaran tunai maksimum yang dibenarkan oleh Bank.
Pembelian Dalam Talian	Adalah satu bentuk dagangan elektronik yang membenarkan Ahli Kad untuk membeli barangan atau perkhidmatan secara terus daripada pedagang melalui internet menggunakan pelayar sesawang.
Transaksi Luar Negara	Adalah kemudahan menggunakan Kad yang dikeluarkan oleh Bank yang membolehkan Ahli Kad untuk membeli barangan di luar negara atau mengeluarkan wang di ATM (Visa Plus) luar negara seperti yang dibenarkan oleh Bank kepada Ahli Kad. Transaksi Luar Negara juga merujuk kepada aktiviti perbankan lain seperti pindahan wang, bayaran bil, melihat dan menyemak baki akaun simpanan/semasa dan membeli instrumen kewangan.
Touch n' Go Group	Penyedia platform kewangan digital dan gaya hidup di Malaysia.

1.2 Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dengan nyata:-

- Perkataan yang membawa maksud satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang membawa maksud tunggal termasuk majmuk dan sebaliknya;
- Perkataan yang membawa maksud orang hendaklah juga termasuk waris, wakil peribadi dan pengganti dalam hakmilik atau pemegang serah hak yang dibenarkan;
- Apa-apa rujukan kepada sub-klausa, klausa atau pihak adalah rujukan kepada sub-klausa, klausa atau pihak dalam Perjanjian ini dan merangkumi semua pindaan dan ubahsuai yang dibuat kepada Perjanjian ini yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- Apa-apa rujukan kepada peruntukan undang-undang termasuk apa-apa pengubahsuaian,

- penyatuan atau pembuatan semula yang pada masa itu berkuat kuasa dan semua instrumen berkanun atau perintah yang dibuat menurut padanya;
- (e) Dengan perkataan "Ringgit Malaysia" dan singkatan "RM" bermakna mata wang Malaysia yang sah;
 - (f) Apa-apa rujukan mengenai "Hari Perniagaan" adalah hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur;
 - (g) Jika apa-apa tempoh masa jatuh pada hari yang bukan Hari Perniagaan, maka tempoh itu adalah dianggap tamat hanya pada hari perniagaan selepas itu;
 - (h) Tajuk-tajuk dalam Perjanjian ini dimasukkan semata-mata untuk kemudahan rujukan dan tidak akan mempengaruhi pentafsiran peruntukan-peruntukan ini.

2.0 PERMOHONAN DAN PENERIMAAN KAD

- 2.1** Apabila pelanggan Bank membuka akaun dan apabila membuat permohonan di mana-mana cawangan Bank di Malaysia, Bank boleh mengeluarkan Kad kepadanya. Kelayakan Kad Debit Perniagaan BSN VISA adalah terhad kepada pemilik perniagaan milikan tunggal / penjaja (individu). Dengan menandatangani borang permohonan Kad tersebut, Ahli Kad mengakui bahawa penerimaan Kad membentuk bukti yang mengikat dan muktamad bahawa Ahli Kad akan terikat dengan Perjanjian ini.
- 2.2** Bank berhak mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya meluluskan atau menolak apa-apa permohonan untuk Kad.

3.0 PENGGUNAAN KAD

- 3.1** Apabila menerima Kad, Ahli Kad hendaklah mengesahkan Kad untuk penggunaan dengan menandatangani pada panel tandatangan di belakang Kad. Ahli Kad akan diminta memilih PIN untuk Kad, rujuk klausa 3.21.
- 3.2** Dengan menggunakan Kad, Ahli Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini (seperti yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar).
- 3.3** Ahli Kad hendaklah mematuhi segala keperluan, arahan dan garis panduan tentang penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua perkhidmatan yang diberikan kepada Ahli Kad.
- 3.4** Kad ini adalah satu Kad Debit di mana Baki Akaun akan didebitkan apabila Transaksi Kad dibuat melalui penggunaan Kad. Ahli Kad bertanggungjawab memastikan terdapat baki tunai yang mencukupi dalam Akaun sebelum menggunakan Kad. Jika Bank mengikut budi bicara mutlaknya, membenarkan mana-mana jumlah di dalam Akaun dikeluarkan melebihi had atas apa jua sebab, Ahli Kad hendaklah membayar apabila dituntut oleh Bank jumlah yang melebihi had tersebut .
- 3.5** Kad ini boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan di Malaysia dan di luar negara di semua Rakan Niaga atau kedai-kedai yang mengambil bahagian melalui Visa dan MyDebit. Pembelian tersebut adalah tertakluk kepada baki di dalam Akaun Ahli Kad dan tertakluk kepada Had Pembelian harian seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Pendedahan Produk bagi Kad Debit Perniagaan BSN Visa. Had Pembelian harian Kad boleh diubah bila-bila masa oleh Ahli Kad melalui ATM Bank atau Pusat Perhubungan Pelanggan BSN atau melalui kaunter di cawangan BSN atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Bank di masa hadapan.
- 3.6** Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh mendebitkan Akaun untuk semua Transaksi yang dilaksanakan melalui mana-mana kaedah yang berikut:-
 - (a) Apabila Kad digunakan dengan PIN atau tandatangan di mana-mana terminal POS.
 - (b) Apabila Kad dengan ciri tanpa sentuh "MyDebit" atau "Visa payWave" digunakan pada pembaca/terminal tanpa sentuh ("Pemprosesan Transaksi Tanpa Sentuh").
 - (c) Apabila butiran Kad diberikan kepada pembekal barangan dan perkhidmatan dalam kaedah yang diterima pakai oleh Bank, contohnya melalui telefon atau dalam talian atau perbankan mudah alih;
 - (d) Apabila Ahli Kad telah membenarkan Transaksi di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap.
- 3.7** Ahli Kad juga boleh menggunakan Kad untuk membuat pembelian melalui pembayaran Tanpa Sentuh MyDebit/ Visa payWave terhad kepada RM250 dan tiada PIN yang diperlukan. Walau bagaimanapun, untuk transaksi melebihi RM250, PIN diperlukan bagi memproses transaksi.
- 3.8** Ahli Kad boleh menggunakan Kad di Malaysia di mana-mana mesin ATM BSN atau di mana-mana ATM lain yang memaparkan logo MEPS untuk pengeluaran wang dari Akaun. Di samping itu, Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk pengeluaran tunai di luar Malaysia di mana-mana mesin ATM yang memaparkan

logo Visa atau Visa Plus.

- 3.9** Transaksi pengeluaran tunai melalui ATM boleh dilakukan tertakluk kepada Had Pengeluaran seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Pendedahan Produk bagi Kad Debit Perniagaan BSN Visa.
- 3.10** Bank berhak untuk meminda atau mengubah Had Pembelian atau Had Pengeluaran pada bila-bila masa dan notis bertulis berkenaan pindaan atau perubahan tersebut akan dimaklumkan kepada Ahli Kad dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.11** Ahli Kad mesti mematuhi semua langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh Bank berkaitan dengan Kad, Nombor Lualan, PIN atau perkhidmatan yang disediakan, dan tidak sesekali ataupun di bawah apa jua keadaan memberitahu PIN kepada sesiapa termasuk kakitangan Bank. Jika nombor PIN sudah diketahui atau disyaki diketahui oleh orang lain, Ahli Kad mestilah memaklumkan kepada pihak Bank dengan kadar segera, dan menukar PIN dengan kadar segera di ATM atau di mana-mana cawangan Bank.
- 3.12** Ahli Kad tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad milikannya. Ahli Kad juga tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan dan pemilikan Kad serta menggunakannya untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh pihak Bank.
- 3.13** Ahli Kad bertanggungjawab untuk memastikan dana dalam akaun mencukupi sebelum melakukan transaksi.
- 3.14** Ahli Kad bertanggungjawab untuk menyemak rekod transaksi dari semasa ke semasa melalui Perbankan Internet BSNeBiz untuk memastikan urusan niaga yang dilaksanakan adalah betul dan maklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh transaksi dibuat jika terdapat sebarang kesilapan atau ketinggalan. Jika tidak, transaksi tersebut akan dianggap tepat.
- 3.15** Ahli Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan Bank dengan kadar segera berkaitan sebarang transaksi tanpa kebenaran sejurus menyedari sebarang transaksi sedemikian, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apabila menerima amaran khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar oleh Bank.
- 3.16** Bank merizabkan hak untuk menggantung Akaun Ahli Kad sekiranya Bank mengenal pasti Ahli Kad menyalahgunakan Akaun untuk urus niaga auto-bil iaitu transaksi ditolak berulang kali disebabkan dana yang tidak mencukupi.
- 3.17 LIABILITI UNTUK TRANSAKSI TANPA KEBENARAN**
- 3.17.1** Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan ke atas kerugian yang terhasil dari transaksi **E-perbankan, Debit langsung** atau **Transaksi Tanpa Kad** sekiranya:
- (a) Bank membuktikan atas imbalan kebarangkalian bahawa Ahli Kad melakukan penipuan untuk menjalankan tanggungjawab berikut seperti yang telah dimaklumkan oleh Bank kepada Ahli Kad:
 - i. Secara sengaja atau tidak sengaja mendedahkan butiran Kad dan Kod BOSS kepada mana-mana orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui e-mel yang tidak diminta atau mana-mana laman sesawang selain daripada laman sesawang rasmi Bank; dan/atau
 - ii. Ahli kad gagal melaporkan kebocoran keselamatan kod lualan, Kod BOSS atau kehilangan peranti keselamatan kepada pihak Bank dengan kadar segera, selepas Ahli Kad menyedari kebocoran tersebut; dan/atau
 - iii. Maklumat yang diperolehi daripada penerima menunjukkan terdapat penglibatan secara langsung atau tidak langsung oleh Ahli Kad berkenaan dengan transaksi yang dipertikaikan.
 - (b) Ahli Kad gagal menjalankan kewajipannya untuk melaporkan sebarang transaksi yang tidak sah kepada pihak Bank dengan kadar segera setelah Ahli Kad menyedari tentang transaksi tidak sah tersebut.
- 3.17.2** Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan ke atas kerugian yang terhasil dari transaksi kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN sekiranya:
- (a) Bank membuktikan atas imbalan kebarangkalian bahawa Ahli Kad melakukan penipuan.
 - (b) Ahli Kad gagal menjalankan kewajipannya untuk melaporkan kehilangan Kad atau penggunaan tanpa kebenaran Kad kepada pihak Bank dengan kadar segera setelah Ahli Kad menyedari tentang kehilangan Kad atau penggunaan tanpa kebenaran tersebut.
 - (c) Ahli Kad mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela.
 - (d) Ahli Kad merekodkan PIN pada Kad atau menyimpan PIN dengan atau berdekatan dengan Kad yang hilang atau dicuri.

3.17.3 Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan ke atas kerugian yang terhasil dari transaksi kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan transaksi tanpa sentuh sekiranya:

- (a) Bank membuktikan atas imbalan kebarangkalian bahawa Ahli Kad melakukan penipuan;
- (b) Ahli Kad gagal menjalankan kewajibannya untuk melaporkan kehilangan Kad atau penggunaan tanpa kebenaran Kad kepada pihak Bank dengan kadar segera setelah Ahli Kad menyedari tentang kehilangan Kad atau penggunaan tanpa kebenaran tersebut;
- (c) Ahli Kad meninggalkan Kad atau item yang mengandungi Kad tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; dan/atau
- (d) Ahli Kad membenarkan orang lain menggunakan Kad miliknya.

3.18 Untuk transaksi petrol di terminal pam luar, amaun 'pre-authorization' yang berjumlah RM200 (tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa) akan dipegang oleh Bank terhadap akaun Ahli Kad. Amaun 'pre-authorization' ini akan dikembalikan ke akaun Ahli Kad dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh transaksi setelah transaksi tersebut dilengkapkan oleh peniaga dan amaun yang sebenar telah didebitkan dari akaun Ahli Kad. Sebagai alternatif, Ahli Kad boleh menggunakan terminal pembayaran di kaunter dalam untuk mengelakkan sebarang sekatan amaun 'pre-authorization' pada Akaun.

3.19 Tanpa mengambil kira sebarang Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, pihak Bank berhak mengikut budi bicara mutlak pada bila-bila masa membatalkan sebarang Transaksi di terminal POS dan/atau menamatkan penggunaan Kad dengan serta-merta tanpa sebarang liabiliti kepada Bank sekiranya berlakunya mana-mana perkara-perkara berikut:-

- (a) Ahli Kad menggunakan Kad sebagai bayaran bagi atau berkaitan dengan mana-mana pembelian yang tidak sah/menyalahi undang-undang atau aktiviti; atau
- (b) Ahli Kad menggunakan Kad untuk transaksi perjudian melalui Internet (terpakai untuk akaun Islamik); atau
- (c) Ahli Kad menggunakan Kad untuk transaksi yang dilarang berdasarkan garis panduan Syariah (terpakai untuk akaun Islamik). Penggunaan Kad dilarang pada Kod Kategori Pedagang Tidak Patuh Syariah (KKP) termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut dan mana-mana peniaga lain yang tidak patuh Syariah yang akan dimaklumkan oleh BSN dari semasa ke semasa;

No	KKP	Huraian
1	5921	Kedai Pakej, – Bir, Wain, Minuman Keras
2	5993	Kedai dan Gerai Cerut
3	7273	Perkhidmatan Temu Janji dan Pengiring
4	7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
5	7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah AS sahaja)
6	7802	Lumba Kuda/Lumba Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
7	7995	Pertaruhan, termasuk Tiket Loteri, Cip Permainan Kasino, Pertaruhan di Luar Laluan Perlumbaan dan Pertaruhan di Dalam Laluan Perlumbaan
8	9406	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah bukan AS)

3.20 PEMILIHAN / PENGELUARAN PIN (PERSONAL IDENTIFICATION NUMBER)

3.20.1 Apabila Kad dikeluarkan atau diganti oleh Bank, Ahli Kad dikehendaki memilih PIN mengikut pilihan mereka dan PIN ini adalah kekal. Walaubagaimanapun, Ahli Kad boleh menukar PIN mereka pada bila-bila masa di ATM BSN atau menggunakan terminal khas yang terdapat di cawangan-cawangan BSN. Jika rekod PIN hilang atau dicuri, Ahli Kad boleh memilih semula PIN baru di mana-mana cawangan BSN.

3.20.2 Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan PIN tersebut dan ia tidak boleh didedahkan atau dizahirkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan atau disimpan dalam bentuk yang mudah diakses oleh orang lain. Ahli Kad hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan pelanggaran peraturan keselamatan seperti, tetapi tidak terhad kepada, tidak menulis PIN di atas Kad atau menyimpan bersama-sama dengan Kad, atau menukar PIN ke nombor yang senang diteka seperti tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit. Ahli Kad tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan PIN kepada sesiapa sahaja termasuklah kakitangan Bank, mana-mana orang, apa-apa emel atau laman sesawang di dalam apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya.

3.21 TRANSAKSI SENTUHAN / TANPA SENTUHAN DI TERMINAL POS / VISA PAYWAVE

- 3.21.1 Ahli Kad dikehendaki untuk menggunakan PIN di terminal POS untuk mengesahkan pembelian di rangkaian Rakan Niaga yang dibenarkan di dalam Malaysia.
- (a) Rakan Niaga akan memasukkan Kad ke dalam terminal POS dan memasukkan jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad.
 - (b) Terminal POS akan meminta PIN untuk pengesahan, di mana PIN ialah 6-digit PIN Kad Ahli Kad.
 - (c) Ahli Kad perlu memastikan jumlah yang perlu dibayar adalah betul sebelum memasukkan PIN pada terminal POS untuk pengesahan.
 - (d) Rakan Niaga akan menyerahkan satu salinan slip jualan dan memulangkan Kad kepada Ahli Kad.
 - (e) Walau bagaimanapun, jika PIN tidak dihasilkan semasa pembelian menggunakan Kad di mana-mana terminal POS bagi urusan niaga untuk diluluskan atau diselesaikan, tandatangan Ahli Kad adalah diwajibkan pada slip jualan untuk pengesahan.
- 3.21.2 Ahli Kad juga boleh menggunakan Kad dengan fungsi “Tanpa Sentuh MyDebit/Visa payWave” di Pembaca Tanpa Sentuh MyDebit atau terminal Visa payWave untuk pembayaran dengan hanya melambatkan Kad pada Pembaca Tanpa Sentuh.
- (a) Jika melebihi had RM250, kemasukan PIN diperlukan oleh Pembaca Tanpa Sentuh MyDebit atau terminal Visa payWave bank tertentu.
 - (b) Transaksi di terminal Tanpa Sentuh MyDebit / Visa payWave akan ditolak jika perbelanjaan melebihi amaun terkumpul yang ditetapkan oleh Bank bagi melindungi Ahli Kad. Had adalah dinamik mengikut *trend* terkini penipuan kad.
 - (c) Jika transaksi Tanpa Sentuh MyDebit / Visa payWave melebihi had terkumpul yang ditetapkan oleh Bank, Ahli Kad masih boleh membuat pembelian dengan Cip dan PIN.
 - (d) Had Transaksi Tanpa Sentuh juga tertakluk kepada Had Pembelian Kad seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Pendedahan Produk bagi Kad Debit Perniagaan BSN Visa.
 - (e) Ahli Kad boleh menetapkan jumlah perbelanjaan terkumpul mengikut had sendiri atau menyahaktifkan fungsi di mana-mana cawangan BSN terdekat.
- 3.21.3 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa jumlah transaksi adalah betul sebelum melakukan sebarang Transaksi Tanpa Sentuh atau memasukkan PIN atau menandatangani sebarang slip jualan/rekod transaksi yang diberikan kepada Ahli Kad oleh peniaga atau institusi kewangan. Dengan memasukkan PIN atau menandatangani slip jualan/rekod transaksi atau sebaliknya menggunakan Kad di Terminal POS, Ahli Kad menunjukkan persetujuan mereka bahawa jumlah transaksi adalah betul.

3.22 Berhubung klausa 3.6 (d) di atas, bagi mana-mana Transaksi yang dibenarkan oleh Ahli Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap (berjadual atau sebaliknya) melalui mana-mana saluran bil langganan atau aturan pembayaran di antara Ahli Kad dan Peniaga, Ahli Kad dengan ini bersetuju kepada terma-terma yang berikut:

- (a) Bank akan mendebitkan Akaun dengan sewajarnya dan akan berterusan melakukannya selagi aturan pembayaran di antara Ahli Kad dan peniaga tidak ditamatkan. Untuk mengelakkan keraguan, pengeluaran semula atau pembaharuan Kad dengan Nombor Kad yang sama tidak membatalkan transaksi di bawah klausa 3.6 (d).
- (b) Sekiranya Kad digantikan dengan Nombor Kad yang baharu disebabkan oleh kehilangan/kecurian, Ahli Kad bertanggungjawab untuk mengemaskini butiran Kad di bawah langganan saluran pengebilan atau aturan pembayaran Ahli Kad dengan mana-mana peniaga untuk mengelakkan transaksi ditolak.

3.23 Meskipun terdapat baki kredit yang mencukupi dalam Akaun, Bank berhak, pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlak dan tanpa perlu memberi notis terdahulu atau alasan, untuk enggan meluluskan sebarang Transaksi yang dicadangkan jika:

- (a) Bank mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa Transaksi yang dicadangkan itu tidak mendapat kebenaran; dan/atau
- (b) Penting untuk memastikan pematuan kepada tanggungjawab Bank berhubung pengubahan wang haram, pencegahan jenayah, penipuan, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sekatan ekonomi atau perdagangan.

3.24 TARIKH SAH DAN TARIKH LUPUT KAD

Kad hanya boleh digunakan sehingga Tarikh Tempoh Sah yang tercatat pada Kad. Ahli Kad hendaklah memastikan sebaik sahaja Kad tamat tempoh, ia dimusnahkan dengan memotong merintang jalur

magnetik dan cip pada Kad.

- 3.25** Kad tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh, atau jika Ahli Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.

3.26 PEMBAHARUAN / PENGELUARAN SEMULA / PENGANTIAN KAD

- (a) Tertakluk kepada klausa 3.24, Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank, menurut budi bicara mutlakny, mengeluarkan satu Kad baharu dengan Tarikh Tempoh Sah yang baharu sebaik luput Kad lama.
- (b) Bank berhak, dengan budi bicaranya, untuk menggantikan atau mengeluarkan semula satu Kad pada bila-bila masa disebabkan kehilangan, kecurian, kerosakan, penambahbaikan atau penurunan gred ciri-ciri atau manfaat Kad.
- (c) Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad hendaklah tidak dianggap sebagai penamatan Perjanjian ini atau penutupan Akaun.

4.0 PEMILIKAN KAD

- 4.1** Kad akan kekal sebagai harta Bank pada setiap masa. Kad hendaklah digunakan oleh Ahli Kad sahaja secara eksklusif. Ahli Kad tidak boleh memindah, melepaskan kawalan dan pemilikan Kad bagi sebarang penggunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank. Kad tidak boleh disandarkan sebagai cagaran bagi apa-apa tujuan sekalipun.
- 4.2** Ahli Kad hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad atau pendedahan PIN dan/atau Kod BOSS kepada mana-mana orang yang tidak dibenarkan. Sekiranya berlaku kehilangan/kecurian Kad atau pendedahan PIN dan/atau Kod BOSS kepada mana-mana orang yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah dengan kadar segera setelah mengetahui mengenai kejadian itu memaklumkan Bank (sekiranya kejadian berlaku di Malaysia) atau mana-mana anggota Visa International (sekiranya kejadian berlaku di luar negara).
- 4.3** Sekiranya berlaku kehilangan/ kecurian seperti di klausa 4.2 di atas dan jika berikutan dengan kehilangan/ kecurian itu, Kad itu digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan, Ahli Kad akan bertanggungjawab kepada Bank bagi semua transaksi daripada penggunaan Kad oleh orang yang tidak dibenarkan tersebut sehingga tarikh penerimaan oleh Bank pemberitahuan bertulis daripada Ahli Kad yang dinyatakan di klausa 4.2 di atas. Jika penyiasatan mendedahkan bahawa Ahli Kad terlibat dalam menyebabkan apa-apa transaksi tanpa kebenaran seperti di klausa 3.19, Ahli Kad akan bertanggungjawab bagi semua transaksi tanpa kebenaran tersebut, sama ada yang berlaku sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan bertulis itu. Selepas pengesahan bertulis diterima, dengan syarat Ahli Kad telah bertindak secara jujur dan telah memberitahu BSN dengan secepat mungkin setelah mendapati Kad hilang atau dicuri, Ahli Kad akan dikecualikan liabiliti untuk transaksi tanpa kebenaran.
- 4.4** Bank boleh atas permintaan Ahli Kad tetapi tanpa diwajibkan dalam undang-undang, menggantikan Kad yang hilang atau dicuri apabila yuran dibayar. Kad gantian hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini seolah-olah ia adalah Kad yang asal. Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad kepada Bank serta merta selepas tarikh tamat atau atas permintaan oleh Bank apabila ia dibatalkan, dimansuhkan atau digantung oleh Bank atau apabila Kad ditemui semula selepas dilaporkan hilang, dan Ahli Kad tidak mempunyai apa-apa hak lagi untuk menggunakan Kad.

5.0 TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 5.1** Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia dengan Rakan Niaga yang dibenarkan dan di ATM.
- 5.2** Fungsi Transaksi Luar Negara di Kad dinyahaktif secara automatik dan hanya akan diaktifkan atas permintaan Ahli Kad.
- 5.3** Untuk mengelakkan gangguan penggunaan Kad, Ahli Kad perlu mengaktifkan fungsi Transaksi Luar Negara sebelum ke luar Negara seperti di klausa 5.6. Sebaik sahaja Kad diaktifkan, Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk pembelian runcit atau pengeluaran wang tunai di mana-mana ATM di luar negara yang mempunyai logo Visa PLUS.
- 5.4** Jika Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, urus niaga tersebut akan dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran dan pada masa sebagaimana yang ditentukan oleh Visa International mengikut budi bicara mutlakny.
- 5.5** Ahli Kad dinasihatkan supaya berwaspada terhadap risiko-risiko transaksi tanpa kebenaran sekiranya Ahli

Kad mengaktifkan fungsi Transaksi Luar Negara. Bank akan menyekat Kad dari membolehkan pemegang kad membuat transaksi luar negara.

- 5.6 Pengaktifan atau penyahaktifan boleh dilakukan melalui ATM BSN, Pusat Perhubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

6.0 PERBANKAN INTERNET / PEMBELIAN DALAM TALIAN

- 6.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk melakukan sebarang Pembelian Dalam Talian dan Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang yang selamat bagi sebarang pembelian dalam talian / perbankan internet.
- 6.2 Fungsi Pembelian Dalam Talian yang tidak terjamin (*unsecured*) dinyahaktif secara automatik dan hanya akan diaktifkan atas permintaan Ahli Kad.
- 6.3 Bagi mengelakkan gangguan penggunaan Kad untuk Pembelian Dalam Talian, Ahli Kad perlu mengaktifkan fungsi Pembelian Dalam Talian yang tidak terjamin (*unsecured*) seperti di klausa 6.6 sebelum menggunakan Kad untuk sebarang pembelian melalui perkhidmatan dalam talian yang tidak mengambil bahagian dalam sistem *3D Secure*.
- 6.4 Bagi transaksi Pembelian Dalam Talian yang selamat, Ahli Kad secara automatik akan didaftarkan dengan Kod BOSS membolehkan Ahli Kad melakukan transaksi dalam talian dengan selamat. Ahli Kad akan diminta untuk memasukkan Kod BOSS bagi melengkapkan transaksi dalam talian bagi sebarang amaun. Jika Ahli Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan dan / atau perkhidmatan dalam talian melalui laman internet atau kaedah pengesahan portal tanpa melalui Kod BOSS, Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan penggunaan tersebut pada setiap masa dan bertanggungjawab untuk semua caj transaksi.
- 6.5 Ahli Kad dinasihatkan supaya berwaspada terhadap risiko-risiko transaksi tanpa kebenaran sekiranya Ahli Kad mengaktifkan fungsi Pembelian Dalam Talian bagi transaksi yang tidak terjamin (*unsecured*).
- 6.6 Pengaktifan atau penyahaktifan fungsi Pembelian Dalam Talian yang tidak terjamin (*unsecured*) boleh dilakukan melalui ATM BSN, Pusat Perhubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

7.0 TRANSAKSI BERKAITAN TOL

- 7.1 Kad didayakan secara automatik untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan mengimbas Kad pada terminal pembayaran.
- 7.2 Ahli Kad bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan dana yang mencukupi dalam Akaun Ahli Kad sebelum membuat transaksi berkaitan tol.
- 7.3 Ahli Kad bersetuju sepenuhnya bahawa pembayaran tol akan dimulakan oleh Touch n' Go Group dengan kebenaran pembayaran tertunda, yang mana berpotensi menyebabkan terdapat perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa sebenar transaksi.
- 7.4 Jika Ahli Kad menggunakan Kad dan berjaya melalui tol, tetapi selepas itu Akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi, Bank mempunyai hak untuk menuntut daripada Ahli Kad jumlah yang dicaj untuk pembayaran tol, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mendebit Akaun Ahli Kad.

8.0 PENYATA

- 8.1 Ahli Kad boleh melihat Penyata akaun Ahli Kad melalui Perbankan Internet BSNeBiz (e-penyata) atau boleh memohon cetakan transaksi terperinci di mana-mana cawangan Bank.
- 8.2 Pembelian runcit yang dilakukan oleh Ahli Kad akan disifatkan sebagai SALES DEBIT dalam Penyata Akaun Ahli Kad.
- 8.3 Ahli Kad boleh memohon butiran transaksi dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di +603-2613 1900.
- 8.4 Rekod dan catatan dalam Akaun seperti yang dinyatakan dalam Penyata bulanan akan disifatkan sebagai betul dan mengikat Ahli Kad melainkan notis bertulis menyatakan sebaliknya telah diberikan kepada Bank oleh Ahli Kad dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Penyata.

9.0 BAKI MINIMUM

- 9.1** Bank boleh menetapkan baki minimum yang perlu ada dalam Akaun yang jumlahnya mungkin berbeza dari satu jenis akaun dengan akaun yang lain. Baki minimum adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan pemakluman kepada pemegang Akaun.
- 9.2** Sekiranya mana-mana permintaan untuk Transaksi Kad melebihi baki minimum dalam Akaun, urus niaga tersebut akan ditolak disebabkan dana yang tidak mencukupi dalam Akaun.

10.0 BAKI DIPEGANG

- 10.1** Bank boleh menetapkan Baki Dipegang untuk tujuan mana-mana Transaksi Kad yang dicadangkan untuk dilaksanakan ke atas Kad. Jumlah Baki Dipegang dan tempoh Baki Dipegang itu dikekalkan akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.
- 10.2** Bank akan mendebit Baki Dipegang (atau mana-mana bahagiannya) ke Akaun apabila Transaksi Kad berkenaan dikemukakan kepada Bank untuk pembayaran. Bank akan melepaskan Baki Dipegang (atau mana-mana bahagiannya) jika Transaksi Kad berkenaan tidak dikemukakan kepada Bank untuk pembayaran dalam tempoh yang dianggap wajar oleh Bank dari semasa ke semasa. Jumlah Baki Dipegang didebitkan ke dalam Akaun adalah bebas daripada faedah atau keuntungan yang akan diperolehi daripada Akaun.
- 10.3** Baki Akaun yang sedia ada kepada Ahli Kad untuk digunakan dalam Akaun akan dikurangkan dengan Baki Dipegang.
- 10.4** Ahli Kad selanjutnya bersetuju dengan nyata bahawa Bank mempunyai hak untuk meletakkan Baki Dipegang ke atas Akaun dan mendebit Akaun untuk sebarang Transaksi Kad yang dikemukakan kepada Bank selepas tempoh Baki Dipegang itu.

11.0 BUDI BICARA BANK

- 11.1** Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis yang munasabah kepada Ahli Kad untuk menolak atau meluluskan sebarang Transaksi Kad yang dikemukakan walaupun Baki Semasa dalam Akaun Ahli Kad membolehkan Transaksi Kad yang dikemukakan itu sekiranya:
- (a) Ahli Kad telah menyalahguna Kad atau mengugut untuk melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.
 - (b) Pihak Bank percaya Transaksi yang berlaku sangat meragukan atau disyaki suatu transaksi penipuan.

12.0 PENAMATAN

- 12.1** Ahli Kad boleh menamatkan penggunaan Kad dengan memberikan Bank notis penamatan bertulis dan memulangkan kepada Bank Kad yang dipotong dua, yang dengan itu penggunaan Kad akan ditamatkan.
- 12.2** Sekiranya penggunaan Kad ditamatkan oleh Bank atas apa-apa sebab, Ahli Kad dengan serta-merta hendaklah memulangkan Kad kepada Bank.

13.0 PENGECUALIAN LIABILITI

- 13.1** Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas keengganan mana-mana peniaga atau institusi ahli Visa untuk menunaikan atau menerima Kad atau untuk apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Ahli Kad atau mana-mana pihak lain oleh mana-mana peniaga. Sebarang aduan oleh Ahli Kad hendaklah diselesaikan secara terus dengan peniaga dan institusi ahli Visa berkenaan dan tiada tuntutan terhadap peniaga atau institusi ahli Visa tersebut boleh ditolak dan dibuat tuntutan balas terhadap Bank.
- 13.2** Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa jua sebab ke atas gantirugi yang ditanggung atau kerugian yang dialami oleh Ahli Kad dalam apa jua keadaan sama ada atau tidak keadaan tersebut berkaitan atau timbul daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan Kad tidak diterima atas apa-apa sebab jua oleh mana-mana Rakan Niaga, orang atau badan, penolakan Kad oleh ATM yang bukan milik Bank (tertakluk kepada penolakan oleh ATM milik Bank bukan disebabkan kecuaiian, salah laku atau ketinggalan oleh Ahli Kad) sekatan kerana tidak memperbaharui Kad atau pembatalan kemudahan atau di bawah mana-mana keadaan dimana Bank akan bertanggungjawab untuk bertindak dengan munasabah bagi melindungi hak-haknya di bawah peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.
- 13.3** Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya ia tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya di bawah

Perjanjian ini disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pertikaian perusahaan, peperangan, bencana alam atau apa-apa yang di luar kawalan Bank, pekerjaanya atau ejennya.

13.4 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara bagi apa-apa kecederaan kepada watak dan reputasi Ahli Kad di dalam dan tentang penarikbalikan Kad atau apa-apa permintaan untuk dipulangkan.

13.5 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara kepada Ahli Kad atas sebarang kesukaran, kerugian, kerosakan atau rasa malu dalam apa jua bentuk yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa penafian transaksi yang dikemukakan.

13.6 Ahli Kad tidak boleh menyerahkan hak atau obligasi Ahli Kad di bawah Perjanjian ini.

14.0 YURAN DAN CAJ

14.1 Bank berhak mengenakan yuran dan caj (berdasarkan konsep Ujrah bagi akaun Islamik sahaja) bagi perkhidmatan termasuk untuk pengeluaran Kad, yuran penggantian kad, yuran pengeluaran wang tunai melalui rangkaian MEPS, terminal Rangkaian Visa dan Bank Antarabangsa dan yuran tahunan. Bank mempunyai hak mutlak untuk mengenakan caj tambahan dan/atau mengubah Yuran dan Caj tersebut dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Notis tersebut hendaklah diberikan kepada Ahli Kad secara bertulis atau secara elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di laman sesawang Bank atau melalui lain-lain medium yang difikirkan sesuai oleh Bank. Bagi tujuan pungutan Yuran dan Caj itu, Ahli Kad bersetuju memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun atau mana-mana akaunnya yang lain dengan Bank walaupun pendebitan tersebut boleh menyebabkan Akaun atau mana-mana akaunnya yang lain menjadi terlebih keluar. Yuran dan Caj berikut dikenakan pada kadar berikut:

Butiran	Caj/Yuran
Yuran Tahunan a. BSN GIRO/-i Akaun Syarikat b. BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat c. BSN Akaun Semasa Asas-i <i>Nota: Yuran tahunan akan dikenakan pada tarikh ulang tahun Kad. Ia tidak akan dikenakan pada tahun yang sama Kad dikeluarkan kepada Ahli Kad.</i>	RM8 RM8 Dikecualikan
Pengeluaran Kad Baru a. BSN GIRO/-i Akaun Syarikat b. BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat c. BSN Akaun Semasa Asas-i	RM12 RM12 Dikecualikan
Pembaharuan Kad	Dikecualikan
Yuran Penggantian Kad ▪ Untuk kerosakan kad disebabkan kecuaihan Ahli Kad, hilang atau dicuri ▪ Cip kad rosak	RM12 Dikecualikan
Pengeluaran Tunai ATM Domestik ▪ ATM BSN ▪ ATM di Bank Tempatan yang lain melalui MEPS ▪ ATM di Bank Asing melalui MEPS (Berkuat kuasa 1 Julai 2026, yuran RM1 untuk Pengeluaran Tunai Antara Bank di semua Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Kitar Semula Tunai (CRM) di seluruh negara akan dikecualikan.) Antarabangsa ▪ Rangkaian ATM melalui VISA PLUS	Dikecualikan RM1 setiap pengeluaran tunai RM1 setiap pengeluaran tunai RM12 setiap pengeluaran tunai
Pertanyaan Baki ATM	Dikecualikan

Rekod Transaksi (Bagi 2 bulan terakhir) Perbankan Dalam Talian @ www.bsnebiz.com.my	Dikecualikan
Pemindahan Wang melalui ATM bank-bank ahli MEPS	RM0.50 setiap transaksi (bagi transaksi RM5,000 ke atas)
Yuran Permintaan Semula Slip Jualan	RM15 setiap salinan
Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit (Tarikh Kuat Kuasa 1 Julai 2022)	RM0.50 setiap transaksi di mana-mana rakan niaga/peruncit MyDebit terpilih. (Had pengeluaran sebanyak RM500 untuk setiap transaksi)
Bayaran Penukaran untuk Urus Niaga Luar Negara	Mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA tambah yuran transaksi dikenakan oleh VISA (bersamaan dengan 1%)

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Kad Debit Perniagaan BSN Visa Ahli Kad adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

- 14.2** Bank mempunyai hak untuk mengubah kaedah mengenakan yuran tahunan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad.
- 14.3** Penggantian Kad adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini seolah-olah ia adalah Kad yang asal.

15.0 PEMBAYARAN BALIK

- 15.1** Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana peniaga runcit atau atas talian walau apapun sebabnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana keengganan untuk menerima Kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang- barang atau perkhidmatan. Ahli Kad hendaklah berhubung secara langsung dengan Rakan Niaga mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank dari Akaun Ahli Kad dalam tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 15.2** Dalam situasi tertentu, peraturan skim kad membenarkan Ahli Kad untuk mengecaj semula sesuatu transaksi kepada peniaga dimana transaksi telah dibuat sama ada dalam jumlah penuh atau sebahagian darinya (jika hak untuk pembayaran balik dibenarkan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian secara bertulis telah dibuat kepada Bank oleh Ahli Kad dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh transaksi dan Ahli Kad telah menyediakan maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong pembayaran balik dalam tempoh yang diminta.
- 15.3** Tanpa mengambil kira dan tanpa menjejaskan keluasan klausa di dalam terma dan syarat ini, Ahli Kad bersetuju secara nyata bahawa penggunaan Kad adalah atas risiko sendiri dan akan menanggung semua risiko yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada penggunaan Kad.

16.0 PELBAGAI

16.1 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini di antara Bank dan Ahli Kad tertakluk kepada undang-undang Malaysia di mana sahaja urusan niaga dilaksanakan.

16.2 MASA

Masa dimana sahaja disebutkan adalah menjadi intipati Perjanjian ini.

16.3 PENEPIAN

Walau apapun peruntukan yang bertentangan, tiada kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak dan kelayakan di bawah Perjanjian ini boleh dianggap sebagai penepian dan akan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya dan akan kekal tanpa mengira apa-apa pembatalan, penarikan balik atau penggantungan Kad oleh Bank atau penamatan Perjanjian ini.

16.4 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

Walau apa pun jua di dalam Perjanjian ini hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya dan akan kekal tanpa mengira apa-apa pembatalan,

atau mana-mana penggantungan Kad oleh Bank atau penamatan Perjanjian ini.

16.5 VARIASI

Ahli Kad bersetuju bahawa Bank bebas untuk mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang ditetapkan melalui pemakluman kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan, tambahan atau pindaan tersebut. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut, Ahli Kad hendaklah menyerahkan dan mengembalikan Kad yang telah dikerat dua kepada Bank. Sekiranya gagal, Ahli Kad akan dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut.

16.6 PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN DATA PERIBADI

Ahli Kad membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengutip, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Ahli Kad menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausa ini mempunyai maksud yang sama sepertimana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Data Peribadi").

Bank berhak untuk mendedahkan dan Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk menggunakan atau mendedahkan, apa-apa maklumat yang berhubungan dengan Ahli Kad dan Akaun beliau, hal ehwal Ahli Kad, kemudahan dan/atau mana-mana akaun sama ada di bawah Perjanjian ini atau sebaliknya yang Ahli Kad mungkin ada dengan Bank berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Data Peribadi Ahli Kad termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel, dalam apa-apa cara dan setakat mana yang Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya anggap patut:

- 16.6.1 Kepada mana-mana peniaga, mana-mana Bank atau institusi kewangan atau Visa International untuk tujuan pemprosesan sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad atau apa-apa penyiasatan yang akan dibuat dalam apa jua bentuk;
- 16.6.2 Untuk atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini;
- 16.6.3 Kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- 16.6.4 Kepada mana-mana pihak lain yang dianggap patut oleh Bank, bagi memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan keperluan undang-undang.

Ahli Kad dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di laman sesawang Bank www.bsn.com.my. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.

Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa Ahli Kad mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Ahli Kad boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Ahli Kad. Dalam keadaan itu, BSN mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.

16.7 AMARAN BAGI TUNTUTAN PALSU

Bank tidak akan bertolak ansur bagi mana-mana percubaan ataupun tuntutan palsu. Bank akan merujuk kepada pihak berkuasa dan berhak untuk memulakan prosiding undang-undang terhadap Ahli Kad.

16.8 NOTIS

- 16.8.1 Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis mengenai apa-apa perubahan alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan.
- 16.8.2 Sebarang surat-menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos prabayar kepada alamat Ahli Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad Bank atau ke alamat lain yang dimaklumkan oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa melalui laman sesawang Bank atau mengumumkan di media awam atau yang disiarkan di cawangan-cawangan dan hendaklah disifatkan telah diterima oleh Ahli Kad dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Apa-apa kegagalan di pihak Ahli Kad untuk memaklumkan Bank apa-apa

perubahan alamat yang mengakibatkan kelewatan apa-apa surat-menyurat atau notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.

16.9 PERKHIDMATAN PROSES UNDANG-UNDANG

Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa notis berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan menghantar satu salinan notis tersebut melalui pos ke alamat terakhir Ahli Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Akaun atau kepada mana-mana alamat lain yang dimaklumkan oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa pengeposan notis dan untuk membuktikan penyampaian adalah mencukupi dengan membuktikan bahawa notis tersebut ditujukan ke alamat yang betul dan dimasukkan ke dalam pos tanpa mengambilkira apa-apa keterangan yang berlawanan.

16.10 KEBERASINGAN

Jika mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan di bawah mana-mana undang-undang, maka kesahan, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain tidak dipengaruhi atau terjejas dalam apa jua cara.

16.11 TERMA YANG TERSIRAT

Tanpa menjejaskan klausa 16.6, Perjanjian ini mewakili keseluruhan kefahaman pihak-pihak dan tiada peruntukan, terma, syarat, atau kewajipan, secara lisan atau bertulis, tersurat atau tersirat, selain daripada yang terkandung di sini.

16.12 PERJANJIAN GANTIAN

Semua perjanjian atau persetujuan sebelum ini, jika ada, yang dibuat di antara Bank dan Ahli Kad, bertulis atau lisan, adalah dengan ini dibatalkan dan digantikan dengan Perjanjian ini.

16.13 INDEMNITI

Ahli Kad hendaklah menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi dan dilindungi terhadap semua tuntutan terhadap Bank sepenuhnya, dalam tuntutan, tindakan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk termasuk kos guaman atas sebab atau berhubung dengan Perjanjian ini, termasuk tanpa had:

- (a) Sebarang penyalahgunaan Kad; dan/atau;
- (b) Pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian ini dipihak Ahli Kad; dan/atau;
- (c) Penguatkuasaan atau perlindungan hak dan remedi Bank terhadap Ahli Kad di bawah Perjanjian ini dan/atau;
- (d) Sebarang perubahan dalam sebarang undang-undang, peraturan atau arahan rasmi yang mungkin mempunyai kesan ke atas akaun, Kad dan/atau Perjanjian ini.

16.14 HAK PENOLAKAN DAN PENYATUAN

Kecuali untuk Yuran dan Caj yang dinyatakan di bawah Klausa 14.1, Bank boleh melalui notis bertulis dan/atau apa-apa bentuk pemberitahuan kepada Ahli Kad dalam tempoh tujuh (7) hari sebelumnya menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad dengan Bank untuk penolakan atau memindahkan apa-apa wang lain yang ada dalam kredit akaun Ahli Kad dengan Bank walau apa jua jenisnya dan di mana sahaja berada untuk tujuan pengurangan dan/atau pelepasan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Perjanjian ini.

Semua maklumat di dalam Terma dan Syarat ini adalah sah bermula Jun 2026.